

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2000/2001

September 2000

YFP 321 – Kajian Televisyen

Masa: 3 jam

ARAHAN KEPADA CALON:

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 3 muka surat bercetak dan 7 soalan sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan. Soalan 1 diwajibkan. Semua jawapan mestilah ditulis dalam Bahasa Malaysia.

Agihan markah bagi soalan diberikan di sudut sebelah kanan soalan berkenaan.

1. Terangkan 8 dari istilah dan konsep di bawah. Jawapan hendaklah tidak melebihi dari 5 barisan.

- (a) Graphic Vector
- (b) Index Vector
- (c) Motion Vector
- (d) Performer space or blocking
- (e) Ideological State Apparatuses
- (f) Repressive State Apparatuses
- (g) Safe Product
- (h) Historical Genres
- (i) Theoretical Genres
- (j) Hegemony
- (k) Gender Stereotyping
- (l) Active Audiences
- (m) Passive Audiences
- (n) Media Imperialism
- (o) Cultural Imperialism
- (p) Narrative Closure

(100 markah)

2. Adakah ‘penyiaran khidmat awam’ mempunyai masa depan yang cerah untuk dimajukan di Malaysia? Bincang dengan mengambil kira perubahan dan cabaran yang dihadapi terutama dari penyiaran berbentuk komersil.

(Is there a viable future for ‘public service broadcasting’ in Malaysia? Discuss with reference to the recent challenges from various commercial forms.)

(100 markah)

3. Pilih mana-mana bentuk genre televisyen di Malaysia dan bincangkan bagaimana kumpulan etnik dan kelas dipersembahkan.

(Select any form of television genre in Malaysia and discuss the representation of ethnicity and class.)

(100 markah)

4. Bagaimanakah program televisyen melambangkan wanita? Adakah corak persempahan ini mampu untuk mengubah kedudukan sosial wanita dalam masyarakat yang berasaskan sistem patriarki? Bincangkan dengan menggunakan contoh yang khusus dari program televisyen yang pernah anda tonton.

(How do television programmes represent women? Does this representational system encourage a better social position for women in a patriarchal society? Discuss with reference to specific television programmes.)

(100 markah)

5. Politik dan ekonomi adalah faktor utama yang menentukan bentuk sistem televisyen dan penyiaran semasa di Malaysia. Bincangkan kenyataan ini dengan menggunakan rangka kerja teori yang sesuai dan contoh-contoh yang jelas dan kukuh.

(Political and economic factors are the major forces that have helped shape contemporary Malaysian television. Discuss this view with a proper theoretical framework and by giving concrete examples.)

(100 markah)

6. Globalisasi sistem televisyen dilihat sebagai satu pembangunan yang negatif di kebanyakan negara membangun. Ia didakwa akan mewujudkan satu keadaan 'imperialisme media' dan 'imperialisme budaya'. Bagaimanakah pandangan ini memberi kesan ke atas perkembangan sistem televisyen di negara ini?

(Globalisation of television is viewed by many developing countries as a negative development. It leads towards what have been termed as 'media imperialism' and 'cultural imperialism'. How does this view affect television system in Malaysia?)

(100 markah)

7. Tumpuan teori dan kajian televisyen telah beralih dari soalan-soalan tentang penghasilan bahan kepada pembentukan makna oleh audien. Bincangkan perkembangan ini dan implikasinya.

(There has been a clear shift in contemporary television debates and theory from media determination to audience activity in the production of meaning. Discuss these transformations and their implications.)

(100 markah)

-000Oooo-